

**Matlamat hidup : penunjuk arah
kehidupan idaman
Bahagian 2 / 4**



Dr. Ali Qassem
www.aliqassem.com

Proses penetapan matlamat hidup tidaklah rumit. Ia hanya perlu dijalankan dengan cara yang sistematik bagi mendapatkan hasil yang baik.

Saya ingin berkongsi idea-idea bernas yang telah saya sendiri gunakan hasil daripada bacaan, analisis dan pembelajaran. Saya jadikan idea-idea itu dalam amalan dan sememangnya telah memberikan satu impak yang besar dalam hidup saya.

Selain daripada bermain dengan imaginasi, anda juga perlu ada satu sistem kepercayaan dalam diri. Anda perlu percaya dengan kemampuan anda, bakat anda, keupayaan anda. Anda perlu percaya bahawa anda **SEMEMANGNYA BOLEH** mencapai apa yang telah anda sasarkan.

Fikiran separa kita adalah kuasa yang amat menakjubkan. Dengannya, kita boleh fokus dan sememangnya boleh capai apa yang kita inginkan. Anda perlu percaya anda mampu melakukan lebih dari apa yang anda fikirkan.

Kualiti pemikiran anda menentukan kualiti disiplin anda. Dengan itu, sistem kepercayaan diri anda yang memainkan peranan kemenangan anda. Jika anda fikirkan anda boleh, anda memang boleh dan begitulah sebaliknya. Dr. Robert Schuller berkata, "Setiap orang berjaya yang saya temui mengatakan perkara yang sama, iaitu, kehidupan saya berubah apabila saya mula percaya dengan diri saya sendiri."

Manusia akan melakukan sesuatu yang dipercayai dapat dilakukan; manusia tidak akan melakukan apa yang difikirkan mustahil untuk dilakukan. Itu sudah menjadi sifat semula jadi manusia. Tidakkah anda pernah terbaca 'tiada yang mustahil dilakukan jika ada hati, jika tiada hati semua pun tak boleh jadi'.

Anda perlu pastikan matlamat hidup anda adalah yang spesifik, boleh diukur, boleh dicapai, realistik, dan had masa.

Spesifik : Saya ingin mempunyai simpanan wang sebanyak RM10,000. Bukannya saya ingin menjadi orang kaya.

Boleh diukur : yang mana anda boleh melihat dan membandingkan perkembangan dalam tempoh tertentu seperti harian, mingguan, bulanan atau tahunan.

Boleh dicapai : Saya akan menaiki kapal terbang Concorde satu hari nanti.

Bukannya saya mahu dua sayap supaya boleh terbang.

Realistik : Saya mahu ada simpanan dalam bank sebanyak RM 1 juta dalam jangkamasa 4 tahun. Adalah tidak realistik sekiranya pendapatan bulanan anda hanya beberapa ratus sahaja dan tidak mempunyai sebarang punca pendapatan lain.

Had masa : Setiap matlamat yang ditetapkan mesti ada had tempoh masa. Jika tidak bila anda akan mencapai matlamat itu ?

Selepas menetapkan matlamat-matlamat anda, tuliskan alasan penetapan matlamat anda. Anda perlu menyenaraikan apa yang akan dapat selepas mencapai matlamat. Lihat kepada impak dalam hidup anda. Jika tidak mempunyai impak atau perubahan dalam hidup anda, buanglah matlamat / alasan itu, tuliskan yang baru.

Bersambung...